



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

## **PROGRAM JUALAN RAHMAH SISWA DAN PROGRAM ADVOKASI PENGGUNA PERINGKAT KEBANGSAAN BERSAMA INSTITUT PENGAJIAN TINGGI**

**SINTOK, 19 NOVEMBER 2023** - Yang Berhormat Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup hari ini telah merasmikan **Program Jualan RAHMAH Siswa dan Program Advokasi Pengguna Peringkat Kebangsaan** yang melibatkan mahasiswa Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Jitra yang turut disenaraikan dalam Malaysia Book of Record (MBOR) di Tapak Pesta Konvokesyen Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.

2. **Program Jualan RAHMAH Siswa** ini diadakan bertujuan memberi peluang kepada seluruh warga terutamanya mahasiswa IPTA supaya dapat membeli barang keperluan asas dengan harga mampu milik dan meningkatkan lagi pendedahan berkaitan hak-hak pengguna dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi.

3. **Program Jualan RAHMAH Siswa** ini berkonsepkan **kedai runcit bergerak ke kawasan kampus** yang mana dapat memberi peluang kepada golongan mahasiswa dan mahasiswi untuk mendapatkan barangan keperluan asas dengan tawaran harga rendah pada potongan harga sehingga 30%. **Konsep Jualan RAHMAH Siswa ini secara tidak langsung dapat meringankan kos sara hidup mahasiswa dan mahasiswi yang sedang menimba ilmu di kawasan-kawasan yang jauh daripada akses pasar raya atau pasar raya besar.**

4. Kategori-kategori barangan yang akan dijual sepanjang **Program Jualan RAHMAH Siswa** adalah barangan keperluan harian, barangan kelengkapan dan keperluan diri pelajar serta makanan / minuman segera. Antara barangan keperluan harian adalah seperti beras, minyak masak, gula, sardin, sayur, buah-buahan dan susu pekat. Bagi kategori kelengkapan diri dan keperluan pelajar adalah seperti alat tulis, ubat gigi dan berus gigi, sabun, 'Ridsect dan Aerosol Musquito' serta 'Sanitary Pad Whisper'. Manakala bagi barangan kategori makanan dan minuman segera pula adalah seperti biskut, maggie, vico, susu kotak, minuman isotonik dan bubur cawan.

5. Untuk makluman umum, sehingga 17 November 2023, **Program Jualan RAHMAH** telah dilaksanakan di **243 lokasi di seluruh Negeri Kedah**. Pecahan mengikut model iaitu **dalam premis sebanyak 45 lokasi, di luar premis (premium) sebanyak 46 lokasi** dan **secara bergerak sebanyak 152 lokasi** dengan **bilangan pengunjung melebihi 301 ribu orang**. Manakala penganjuran **PJR** di seluruh negara pula telah merekodkan kehadiran melebihi **lima (5) juta orang**.

6. Kementerian amat berharap dengan inisiatif yang dijalankan ini dapat membantu para mahasiswa dan mahasiswi dalam mendepani kenaikan kos sara hidup di samping merancakkan kembali ekonomi sektor peruncitan.

7. KPDN Negeri Kedah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat di atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan Program Jualan RAHMAH Siswa dan Advokasi Pengguna Bersama Institut Pengajian Tinggi kali ini.

**YB SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH BT SALLEH,  
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP,  
SINTOK, KEDAH, 19 NOVEMBER 2023.**

**###**

## LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam Negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampun sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam mengurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:

